

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN WONG LING BIU**

**[SARIKEI]**

**NO. SOALAN : 352**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan dengan lebih terperinci tentang perkhidmatan loji perawatan air di Bayong, Sarikei dan Temedak di Meradong. Bilakah pembinaan stesen Empangan Gurugu di Sungai Bayong akan siap dibina. Adakah perancangan untuk projek peningkatan empangan di loji perawatan air di Temedak, Meradong. Adakah dengan pembinaan empangan Gurugu, Sarikei akan menyelesaikan segala masalah kekurangan bekalan air paip di Bahagian Sarikei termasuk kawasan Meradong.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sumber air mentah Loji Rawatan Air Bayong adalah daripada Sg. Sarikei dan Empangan Gerugu. Empangan Gerugu mempunyai *safe yield* sebanyak 140 Juta Liter/Hari (JLH) dan mampu memenuhi permintaan air daripada Sarikei, Bintangor dan kawasan sekitarnya sehingga tahun 2040.

Berdasarkan maklumat daripada JKR Sarawak, Empangan Gerugu telah pun siap pada tahun 2009 dan telah beroperasi. Loji rawatan air Bayong pula kini sedang dinaiktaraf daripada 33JLH ke 63JLH. Projek ini dijangka akan siap pada bulan November 2015. Dengan siapnya naiktaraf loji rawatan air Bayong ini, bekalan air di Sarikei dan Meradong akan dapat diperbaiki.

Pihak JKR Sarawak juga telah mengemukakan cadangan untuk menaiktaraf loji rawatan Temedak dengan kos sebanyak RM 4 juta untuk dipertimbangkan di bawah RMKe-11.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek tersebut adalah bergantung kepada kelulusan pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk pelaksanaan dalam RMKe-11 kelak.